

Khalid Samad setuju dengan Tun M, kongres bukan perkauman
AstroAwani
27 Oktober 2019

KUALA LUMPUR: Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad menegaskan, beliau bersetuju dengan pendapat Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa Kongres Maruah Melayu bukan bersifat perkauman.

Dalam masa sama, Pengarah Komunikasi parti Amanah itu berkata, perhimpunan sedemikian merupakan hak orang Melayu.

"Saya BERSETUJU dengan Tun bahawa apabila sesuatu kaum mengadakan perhimpunan bagi kaumnya, untuk membincangkan masalah kaumnya dan negara, ianya BUKAN rasis. Malahan ianya hak mereka," kata Khalid dalam laman Twitter peribadinya pada Ahad.

Kenyataan terbaharu yang dikeluarkan Khalid itu adalah sebagai reaksi kurang senang beliau pada laporan segelintir media yang didakwanya memutar belit kenyataan asal yang dibuatnya pada Sabtu.

Menurut Khalid, kenyataan asalnya tidak membawa maksud beliau tidak bersetuju dengan Dr Mahathir.

"Perhimpun bukan masalahnya tetapi pengisiannya. Semua kaum, malahan suku kaum, berkumpul membincang masalah dihadapi kaumnya dan negara serta cara-cara mengatasinya.

"Tetapi sekiranya ianya digunakan untuk menyemai kebencian terhadap kaum lain, maka barulah ianya menjadi rasis.." demikian entri asal yang dimuat naik Khalid pada Sabtu.

Entri asal itu turut disertakan bersama luahan Dr Mahathir mengenai kekecewaannya apabila orang Melayu dilabel sebagai rasis hanya kerana menganjurkan perhimpunan.

Dalam catatan di blog peribadinya bertajuk "Malay Dignity Congres", Dr Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan dan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia berkata, ia adalah situasi yang menyedihkan kerana orang Melayu dan Bumiputera banyak bertoleransi dengan kaum lain.

"Apabila banyak jajahan Eropah mencapai kemerdekaan, kebanyakan orang bukan asal di negara itu telah didiskriminasi. Ada yang terpaksa meninggalkan negara itu, ada yang diserang secara ganas.

"Berbeza pula dengan negara ini. Orang bukan penduduk asal telah diterima menjadi warganegara. Malah, lebih sejuta bukan penduduk asal telah diberi taraf kewarganegaraan, walaupun hakikatnya mereka tidak layak," kata Dr Mahathir lagi.

Perdana Menteri juga terkejut apabila dinasihati untuk tidak menghadiri diri ke Kongres Maruah Melayu yang berlangsung di Stadium Malawati, Shah Alam, pada 6 Oktober lepas.

© 2019 AstroAwani Network Sdn. Bhd.

(535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/khalid-samad-setuju-dengan-tun-m-kongres-bukan-perkauman-221125>